

KAJIAN AWAL PEMERKASAAN DAN DAYA TAHAN USAHAWAN WANITA DI PERLIS: PERANAN SOKONGAN KOMUNITI DAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN SOSIOEKONOMI

Nuraini Abdullah^{1*}, Nadiah Mahmad Nasir², Syafiqah Md Nayan³, Mariam Idris⁴, Norhafifah Samsudin⁵, Rohaizahtulamni Radzlan⁶

¹⁻⁴ *Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Kampus UniCITI Alam, 02100 Padang Besar, Perlis*

⁵ *Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan*

⁶ *Jabatan Sains Sosial dan Pengurusan, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Sarawak, 97008 Bintulu, Sarawak*

*nuraini@unimap.edu.my

ABSTRAK

Pemeriksaan wanita melalui bidang keusahawanan merupakan agenda penting bagi meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi di negeri Perlis, namun golongan ini masih berhadapan dengan pelbagai kekangan, terutamanya kesukaran mengurus sempadan antara tuntutan perniagaan dan tanggungjawab keluarga. Justeru, kajian awal ini bertujuan untuk meneroka secara mendalam peranan sokongan keluarga, komuniti, dan pembelajaran berterusan dalam membina daya tahan usahawan wanita untuk mendepani krisis. Berpandukan Teori Sempadan Kerja/Keluarga, kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif asas melalui temu bual separa berstruktur secara mendalam terhadap tiga orang usahawan wanita yang merupakan SAHABAT Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Perlis. Data dikumpul sehingga mencapai tahap ketepuan dan dianalisis menggunakan analisis tematik reflektif melalui pendekatan abduktif. Hasil analisis awal mendapati bahawa daya tahan usahawan wanita tidak bersifat individu, sebaliknya didorong oleh ekosistem relasional yang holistik. Ahli keluarga didapati bertindak sebagai “penjaga sempadan” (*border-keepers*) yang mengurangkan konflik peranan melalui bantuan kewangan, operasi, dan domestik. Di samping itu, AIM dan jaringan komuniti SAHABAT berfungsi melangkaui sekadar penyedia pembiayaan dengan menyediakan modal sosial, perlindungan institusi, serta mekanisme keselamatan kelompok yang kukuh ketika kecemasan. Dapatan turut mendedahkan bahawa daya tahan usahawan bersifat dinamik, disokong oleh kelincahan menyusun semula perniagaan dan keupayaan pembelajaran berterusan, walaupun mereka masih berhadapan dengan jurang penyesuaian digital. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa kelestarian usahawan wanita memerlukan sokongan ekosistemik yang mengintegrasikan aspek keluarga, komuniti, dan institusi. Kajian ini mencadangkan agar intervensi pembangunan pada masa hadapan tidak hanya berfokus kepada suntikan modal kewangan semata-mata, malah perlu menggabungkan latihan literasi digital yang holistik, praktikal dan sokongan sosio-psikologi secara serentak.

Kata Kunci: Pemeriksaan wanita, daya tahan, usahawan wanita, Perlis, Teori Sempadan Kerja/Keluarga, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

PENGENALAN

Sektor keusahawanan wanita di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif dan semakin mendapat perhatian dalam agenda pembangunan sosioekonomi negara. Berdasarkan data Banci Ekonomi 2023, sebanyak 20.1% daripada keseluruhan perniagaan di Malaysia dimiliki oleh wanita, menunjukkan peningkatan tahunan sebanyak 2.3% berbanding Banci Ekonomi 2015. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi serta peranan mereka yang semakin signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Syed Kechik, 2025).

Dalam konteks negeri Perlis, pemerksaan wanita melalui keusahawanan menjadi salah satu pendekatan penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat, khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. Institusi kewangan mikro seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan keusahawanan dengan menyediakan akses kepada pembiayaan bagi membantu individu memulakan dan mengembangkan aktiviti perniagaan. Menurut Abdul Rahman (2019), AIM telah menyokong seramai 4,650 usahawan SAHABAT AIM di Perlis serta menyalurkan pembiayaan berjumlah RM24.2 juta bagi membantu meningkatkan kapasiti ekonomi penerima. Sokongan kewangan mikro ini menunjukkan kepentingan akses kepada sumber kewangan dalam memperkukuhkan keupayaan isi rumah menjana pendapatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap sumber ekonomi yang terhad.

Walaupun penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan semakin meningkat, golongan ini masih berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan kelangsungan perniagaan mereka. Antara cabaran utama termasuklah keterbatasan sumber kewangan, gangguan operasi perniagaan akibat bencana alam seperti banjir, serta perubahan persekitaran perniagaan akibat krisis global seperti pandemik COVID-19. Dalam tempoh pandemik, sebahagian usahawan wanita terpaksa menghentikan operasi perniagaan secara fizikal dan beralih kepada model perniagaan berasaskan rumah serta platform digital sebagai strategi adaptasi untuk mengekalkan sumber pendapatan keluarga (Nazri & Halim, 2021).

Daya tahan usahawan wanita dalam mendepani krisis ini sangat bergantung kepada ekosistem sokongan yang holistik, yang merangkumi peranan keluarga dan kekuatan komuniti (Hassan *et al.*, 2021). Dalam domain keluarga, sokongan suami dari segi kewangan dan moral, serta penglibatan anak-anak dalam operasi perniagaan harian, menjadi pemudah cara utama bagi memastikan kelangsungan perniagaan. Manakala dalam domain komuniti, jaringan SAHABAT AIM bertindak sebagai modal sosial yang menyediakan sistem sokongan kelompok, di mana para usahawan saling membantu dari segi kewangan dan motivasi ketika berada dalam kesulitan. Di samping itu, keupayaan usahawan untuk terus relevan dalam era ekonomi digital memerlukan komitmen terhadap pembelajaran berterusan, terutamanya dalam menguasai platform media sosial seperti TikTok dan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk pemasaran.

Disebalik perkembangan positif ini, usahawan wanita masih bergelut dengan kekangan sistemik yang bersifat multidimensi. Walaubagaianapun, The Asia Foundation (2024) melaporkan bahawa usahawan wanita mikro dan kecil di Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mengembangkan perniagaan, termasuk kekangan sumber, keperluan meningkatkan kemahiran digital, serta keperluan mengurus pelbagai peranan dalam kehidupan peribadi dan perniagaan. Situasi ini meletakkan perniagaan usahawan wanita dalam kedudukan yang rentan, di mana statistik menunjukkan mereka mempunyai kebarangkalian 2.52 kali lebih rendah untuk berjaya berbanding perniagaan yang diterajui oleh lelaki (Syed Kechik, 2025).

Kebanyakan literatur lepas lebih menekankan pemeraksanaan usahawan wanita dan memberikan tumpuan yang tidak seimbang kepada aspek modal kewangan dan akses kepada mikrokredit semata-mata. Walaupun suntikan modal adalah penting, terdapat keperluan mendesak untuk penyelidikan kualitatif yang mendalam terhadap aspek sosial dan bukan kewangan yang sering terlepas pandang dalam perbincangan arus perdana. Jurang literatur yang nyata wujud dalam memahami bagaimana sokongan moral keluarga dan jaringan komuniti berfungsi sebagai “infrastruktur halimunan” yang menyokong daya tahan usahawan wanita, terutamanya dalam kelompok B40 di luar bandar yang mempunyai capaian sumber yang terhad. Tanpa penelitian terhadap peranan pemudah cara (*facilitators*) sosial ini, strategi pemeraksanaan wanita akan kekal bersifat luaran tanpa menyentuh akar umbi kelestarian perniagaan mereka.

Kajian ini juga berasaskan Teori Sempadan Kerja/Keluarga (*Work/Family Border Theory*) yang diperkenalkan oleh Clark (2000). Teori ini menjelaskan bagaimana individu mengurus dan merundingkan sempadan antara domain kerja dan domain keluarga untuk mencapai keseimbangan hidup. Bagi usahawan wanita di Perlis, sempadan antara kerja dan keluarga sering kali menjadi fleksibel tetapi saling bertindih (*permeable*), di mana aktiviti perniagaan dijalankan seiring dengan tanggungjawab domestik. Sehubungan itu, kajian awal ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam bersama usahawan di lapangan untuk meneroka sejauh mana sokongan komuniti dan keluarga memudahkan pengurusan sempadan ini, sekali gus menyumbang kepada daya tahan sosioekonomi mereka.

TINJAUAN LITERATUR DAN KERANGKA KONSEPTUAL

Teori Sempadan Kerja/Keluarga (*Work/Family Border Theory [WLBT]*) merupakan kerangka utama yang digunakan untuk menganalisis bagaimana individu menguruskan transisi antara domain profesional dan peribadi yang dipisahkan oleh sempadan fizikal, temporal, atau psikologi (Kreiner *et al.*, 2009). Usahawan wanita sering berhadapan dengan keperluan untuk menentukan tahap pemisahan atau penggabungan antara peranan profesional dan peribadi. Proses pengurusan sempadan ini melibatkan strategi individu dalam menyeimbangkan tuntutan kerja dan keluarga, sama ada melalui pendekatan integrasi atau segmentasi (Kreiner *et al.*, 2009). Teori ini menganggap individu sebagai “merentasi sempadan” (*border-crossers*) yang bergerak antara kedua-dua domain tersebut, di mana kelancaran pergerakan ini ditentukan oleh atribut sempadan seperti ketelusan (*permeability*) dan fleksibiliti (Doargajudhur *et al.*, 2026).

Fleksibiliti merujuk kepada keupayaan sempadan untuk menguncup atau mengembang mengikut tuntutan domain lain, manakala ketelusan membolehkan elemen daripada satu domain meresap ke dalam domain yang lain (Matthews & Barnes-Farrell, 2010). Dalam konteks keusahawanan digital, Doargajudhur *et al.* (2026) menegaskan bahawa teknologi digital telah mengubah cara usahawan wanita mengurus sempadan kerja dan kehidupan peribadi dengan menyediakan fleksibiliti dalam menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, peningkatan keterhubungan digital juga boleh menjadikan sempadan antara kerja dan keluarga semakin kabur, kerana tuntutan perniagaan boleh memasuki ruang dan masa peribadi. Oleh itu, keupayaan usahawan wanita untuk mengawal sempadan digital menjadi penting dalam mengurangkan konflik kerja-kehidupan dan mengekalkan kesejahteraan diri.

Bagi usahawan wanita, kajian menunjukkan bahawa sempadan kerja-keluarga mereka sering kali kurang dan sangat telus, terutamanya dalam konteks perniagaan berasaskan rumah (Huq & Arenius, 2025; Tahir, 2024). Apabila kerja keusahawanan menjadi sangat terbenam (*embedded*) dalam kehidupan keluarga, konflik antara kerja dan keluarga boleh berkurangan kerana kedua-dua domain tersebut tidak lagi dianggap sebagai entiti yang berasingan (Huq

& Arenius, 2025). Walau bagaimanapun, integrasi yang melampau ini juga boleh membawa kepada keadaan “tanpa sempadan” (*boundarylessness*), di mana wanita menjadi “bertindak balas” (*reactors*) yang terpaksa memikul peranan masyarakat dan keluarga mengatasi kewajipan perniagaan mereka (Tahir, 2024).

Keberkesanan pengurusan sempadan ini sangat bergantung kepada peranan “penjaga sempadan” (*border-keepers*), lazimnya pasangan atau suami, yang membantu mendefinisikan dan menyokong sempadan tersebut (Karassvidou, 2015). Sokongan suami (*spousal support*) telah dikenal pasti mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepuasan kerja melalui pengurangan konflik kerja-keluarga (Rizal *et al.*, 2023). Sebaliknya, tuntutan keluarga seperti kehadiran anak-anak di dalam rumah boleh meningkatkan konflik kerja-keluarga secara drastik, terutamanya semasa tempoh krisis seperti pandemik COVID-19 (Tahir, 2025).

Selain itu, kemajuan teknologi digital telah mewujudkan dimensi baru dalam pengurusan sempadan. Walaupun penggunaan teknologi peribadi membolehkan fleksibiliti dan respons yang lebih baik, ia juga mengakibatkan “sambungan berterusan” (*constant connectivity*) yang mengaburkan sempadan kerja dan keluarga (Doargajudhur *et al.*, 2026). Fenomena ini sering meningkatkan tekanan dan keletihan emosi, yang memerlukan usahawan wanita untuk sentiasa merundingkan dan menyesuaikan kehidupan mereka di sekeliling komitmen kerja demi mengekalkan keseimbangan (Nicholas & McDowall, 2012; Tahir, 2024). Pencapaian keseimbangan kerja-kehidupan yang harmoni adalah sangat penting kerana ia memberi kesan langsung kepada kepuasan kerja, kualiti kerja, dan akhirnya memacu prestasi serta kejayaan perniagaan (Tahir, 2025).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kualitatif asas (*basic qualitative study*) sebagaimana yang diuraikan oleh Merriam dan Tisdell (2016). Reka bentuk ini sesuai digunakan apabila penyelidik ingin memahami bagaimana individu mentafsir, memberi makna, dan memahami pengalaman mereka terhadap sesuatu fenomena dalam konteks kehidupan sebenar. Dalam kajian ini, pendekatan tersebut membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam pengalaman usahawan wanita di negeri Perlis berkaitan peranan sokongan keluarga, komuniti dan pembelajaran berterusan dalam membina daya tahan serta meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi mereka.

Kajian ini berpandu kepada Teori Sempadan Kerja/Keluarga (Work/Family Border Theory) sebagai kerangka teori bagi memahami bagaimana usahawan wanita mengurus dan merundingkan sempadan antara tuntutan perniagaan dan tanggungjawab keluarga. Pada masa penulisan artikel ini, proses pengumpulan data masih sedang dijalankan.

Pemilihan Informan

Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan informan yang dipilih mempunyai pengalaman yang relevan dengan objektif kajian. Kaedah ini membolehkan penyelidik memilih peserta yang kaya dengan maklumat (*information-rich cases*) dan mampu memberikan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji (Campbell *et al.*, 2020).

Akses kepada informan diperoleh melalui seorang pegawai Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang bertindak sebagai *gatekeeper*. Peranan beliau adalah memudah cara proses pengenalanpastian dan menghubungkan penyelidik dengan usahawan wanita yang memenuhi kriteria pemilihan kajian. Walau bagaimanapun, pemilihan akhir informan dilakukan oleh penyelidik berdasarkan kriteria persampelan bertujuan yang telah ditetapkan bagi

memastikan setiap peserta memenuhi objektif kajian. Penyertaan dalam kajian adalah secara sukarela dan setiap informan telah memberikan persetujuan sebelum temu bual dijalankan.

Sehingga artikel ini ditulis, seramai tiga orang informan telah ditemu bual, masing-masing mewakili jenis perniagaan yang berbeza iaitu perniagaan runcit, pusat bacaan dan kedai runcit. Gambar rajah 10.1 membentangkan profil ringkas tiga informan yang telah ditemu bual. Memandangkan kajian ini masih sedang dijalankan, pengumpulan data akan diteruskan sehingga mencapai ketepuan data (*data saturation*) (Merriam & Tisdell, 2016).

Kod Informan	Status Perkahwinan	Jenis Perniagaan	Lokasi
Informan 1	Berkahwin	Pusat Bacaan	Kangar
Informan 2	Berkahwin	Perniagaan Runcit dan Peralatan Dapur	Padang Besar
Informan 3	Berkahwin	Kedai Runcit	Arau

Gambar rajah 10.1. Profil ringkas informan yang telah ditemu bual pada peringkat awal kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur secara mendalam (*semi-structured in-depth interviews*) yang dijalankan secara bersemuka di premis perniagaan setiap informan. Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana memberikan fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka pengalaman peserta secara lebih mendalam di samping memastikan semua isu utama yang berkaitan dengan objektif kajian dibincangkan (Merriam & Tisdell, 2016).

Protokol temu bual merangkumi beberapa aspek utama seperti pengalaman mengurus perniagaan, cabaran yang dihadapi, bentuk sokongan keluarga dan komuniti, strategi daya tahan, serta pengalaman pembelajaran dan penyesuaian terhadap perubahan persekitaran perniagaan. Dengan persetujuan informan, semua sesi temu bual dirakam menggunakan perakam audio sebelum ditranskripsikan secara verbatim bagi memastikan ketepatan data. Selain temu bual, penyelidik turut merekodkan pemerhatian lapangan dan nota refleksi bagi membantu memahami konteks perniagaan serta pengalaman yang dikongsikan oleh informan.

Pada peringkat semasa, temu bual dengan tiga orang informan telah selesai dijalankan, manakala proses pengumpulan data masih diteruskan dengan informan lain yang memenuhi kriteria pemilihan kajian.

Analisis Data

Analisis data dijalankan secara serentak dengan proses pengumpulan data sebagaimana yang disarankan oleh Merriam dan Tisdell (2016). Analisis menggunakan pendekatan abduktif, iaitu proses yang melibatkan pergerakan secara berulang antara data empirikal dan kerangka teori bagi membina pemahaman yang lebih mendalam terhadap fenomena yang dikaji.

Bagi menganalisis data temu bual, kajian ini menggunakan analisis tematik refleksif (*reflexive thematic analysis*) yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2021). Proses analisis melibatkan enam fasa, iaitu (i) membiasakan diri dengan data (*familiarisation*), (ii) menghasilkan kod awal (*generating initial codes*), (iii) membangunkan tema awal (*generating initial themes*), (iv) menyemak dan memperhalusi tema (*reviewing and developing themes*), (v) mentakrif dan menamakan tema (*refining, defining and naming themes*), dan (vi)

menghasilkan laporan kajian (*writing up*). Sepanjang proses ini, penyelidik bergerak secara iteratif antara data, kod, tema dan kerangka teori bagi memastikan interpretasi yang dihasilkan mencerminkan pengalaman informan serta objektif kajian.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, kajian ini berpandukan kriteria kredibiliti (*credibility*), kebolehbergantungan (*dependability*), kebolehsahan (*confirmability*) dan kebolehpindahan (*transferability*) yang dicadangkan oleh Lincoln dan Guba (1985). Sepanjang proses penyelidikan, penyelidik mengekalkan jejak audit (*audit trail*) yang merekodkan setiap keputusan metodologi, proses pengumpulan data, dan perkembangan analisis bagi memastikan ketelusan proses penyelidikan.

Di samping itu, analisis data dijalankan secara berulang dan serentak dengan proses pengumpulan data bagi membolehkan penyelidik membuat perbandingan berterusan terhadap kod, kategori dan tema yang muncul. Proses perbincangan antara penyelidik turut dilaksanakan bagi menyemak kesesuaian interpretasi dan meningkatkan ketekalan analisis. Selain itu, penggunaan petikan verbatim daripada informan serta huraian konteks kajian secara terperinci membantu meningkatkan kredibiliti dapatan dan membolehkan pembaca menilai kebolehpindahan hasil kajian kepada konteks yang bersesuaian.

DAPATAN AWAL KAJIAN

Analisis awal terhadap tiga temu bual bersama usahawan wanita yang merupakan ahli SAHABAT Amanah Ikhtiar Malaysia di Perlis menghasilkan empat tema awal. Tema tersebut ialah sokongan keluarga sebagai sumber daya tahan dan pengurusan sempadan, AIM sebagai ekosistem sokongan kewangan, sosial dan institusi, pembelajaran berterusan dan adaptasi digital sebagai keupayaan penyesuaian, serta daya tahan melalui perubahan, pemulihan dan penyusunan semula perniagaan.

Tema-tema ini dibangunkan melalui proses analisis tematik refleksif dengan menggunakan pendekatan abduktif. Analisis bergerak secara berulang antara data empirikal dengan konsep dalam Teori Sempadan Kerja/Keluarga. Dalam proses tersebut, penyelidik memberi perhatian kepada pola yang muncul daripada pengalaman informan di samping menggunakan konsep seperti ketelusan sempadan, fleksibiliti sempadan dan peranan penjaga sempadan sebagai lensa interpretasi. Memandangkan pengumpulan data masih berjalan, tema yang dibentangkan merupakan dapatan awal yang akan terus diperhalusi apabila temu bual tambahan dijalankan.

Sokongan Keluarga sebagai Sumber Daya Tahan dan Pengurusan Sempadan

Dapatan awal menunjukkan bahawa sokongan keluarga merupakan sumber penting yang membolehkan usahawan wanita mengurus tuntutan perniagaan dan tanggungjawab keluarga. Sokongan ini merangkumi bantuan kewangan, bantuan tugas domestik, sokongan emosi, penglibatan dalam pembelajaran dan penyertaan ahli keluarga dalam operasi perniagaan.

Sokongan Suami Sebagai Penjaga Sempadan

Sokongan suami paling jelas ditunjukkan melalui kesediaan membantu dari segi kewangan, operasi perniagaan dan tanggungjawab rumah tangga. Informan 2 menjelaskan bahawa suaminya bukan sahaja menyokong keputusan beliau untuk berniaga, malah menyediakan bantuan kewangan apabila diperlukan:

“Dia memang sangat sokong. Dia banyak tolong. Dia buat pinjaman, dia bagi dekat kak. Contohnya, kak tak ada duit, dia tolong kak. Kalau kak ada duit lebih, kak tolong dia juga.” (Informan 2, usahawan runcit)

Pengalaman yang hampir sama dikongsikan oleh Informan 1. Suaminya membantu mengurangkan beban domestik ketika beliau menghadiri kelas atau menjalankan aktiviti perniagaan:

“Balik-balik tengok kadang-kadang ada nasi dah. Dia masak dah, dia beli. Jadi, dari suami memang sokong. Kadang-kadang kalau kelas berbayar, dia pun nak ikut.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Informan 1 turut membandingkan pengalamannya dengan sebahagian ahli SAHABAT lain yang tidak menerima sokongan keluarga:

“Ramai yang ada masalah keluarga. Tak dapat sokongan daripada suami. Suami tak boleh jaga anak. Jadi, memang ramai yang hadapi masalah macam itu.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Penglibatan Anak dalam Operasi dan Pembelajaran Keluarga

Penglibatan anak-anak turut membantu mengintegrasikan domain kerja dan keluarga. Informan 2 membawa anaknya yang berada dalam spektrum autisme ke kedai dan melatihnya mengendalikan tugas mudah:

“Dulu dia tak pandai duit. Empat ringgit dia kata lima ringgit. Tapi kak ajar-ajar dia. Daripada dia tak boleh apa-apa, sekarang dia dah pandai.” (Informan 2, usahawan runcit)

Bagi Informan 3 pula, ahli keluarga membantu dalam aspek pemasaran digital:

“Kedai ni Informan 3 ada juga post gambar. Anak rajin juga masuk Facebook.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Secara keseluruhannya, tema ini menunjukkan bahawa sempadan kerja dan keluarga dalam pengalaman informan bersifat telus dan fleksibel. Walaupun pertindihan antara kedua-dua domain berpotensi meningkatkan beban, sokongan suami dan anak-anak membolehkan pertindihan tersebut diurus secara lebih produktif.

AIM sebagai Ekosistem Sokongan Kewangan, Sosial dan Institusi

Dapatan awal menunjukkan bahawa AIM tidak dilihat oleh informan sebagai institusi pembiayaan semata-mata. Sebaliknya, AIM berfungsi sebagai suatu ekosistem yang menggabungkan pembiayaan mikro, disiplin kewangan, sokongan kelompok, jaringan sosial, pembangunan kepimpinan dan perlindungan ketika krisis.

Pembiayaan Mikro Sebagai Modal Permulaan dan Pengembangan

Ketiga-tiga informan menggunakan pembiayaan AIM untuk memulakan, mengekalkan atau mengembangkan perniagaan. Informan 2 menceritakan bahawa pembiayaan awal digunakan secara langsung untuk membeli stok:

“Mula pinjam RM3,000. Hari yang dapat duit tu, hari tu juga pergi Thailand beli barang.” (Informan 2, usahawan runcit)

Pengalaman yang sama dapat dilihat dalam perniagaan Informan 3:

“Yang ini memang seratus peratus duit AIM. Mula dengan pinjaman RM3,000. Dia tak bagi terus RM10,000. Kita pilih kemampuan kita bayar balik.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Informan 3 turut menjelaskan bahawa prosedur pembiayaan lebih mudah berbanding institusi kewangan formal:

“Prosedur kita nak pinjam mudah. Bila pergi mesyuarat, dia tengok kehadiran dan rekod bayaran balik. Itu yang digunakan untuk lepaskan pinjaman.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Hal ini memperlihatkan kod akses pembiayaan tanpa prosedur rumit, kehadiran sebagai bukti komitmen dan rekod pembayaran sebagai modal kepercayaan.

Sokongan Kelompok Sebagai Jaringan Keselamatan Sosial

Struktur kumpulan AIM mewujudkan tanggungjawab bersama dalam kalangan ahli. Informan 2 menjelaskan bahawa apabila seorang ahli menghadapi masalah untuk membuat bayaran, ahli lain akan membantu:

“Minggu ni aku tak boleh bayar. Boleh tak tolong aku? Empat orang dalam kumpulan akan tolong bantu.” (Informan 2, usahawan runcit)

Bantuan ini tidak terhad kepada komitmen pembiayaan. Informan 2 turut berkongsi pengalaman menerima bantuan untuk memenuhi keperluan asas keluarganya:

“Dulu memang susah. Nak beli susu anak pun kak minta pinjam dekat SAHABAT. Kak kata tak ada duit nak beli susu anak. Mereka bagi kak RM20. Mereka pun bukan orang senang.” (Informan 2, usahawan runcit)

Informan 3 menerangkan bahawa masalah ahli diselesaikan secara bertingkat, bermula di peringkat kumpulan sebelum dibawa ke pusat atau blok:

“Kalau tak boleh bayar, setel di kumpulan dulu. Bila tak boleh, baru buka di pusat. Kalau pusat tak boleh, buka di blok. Akan buat satu program yang boleh sokong balik.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Kepimpinan Komuniti dan Suara Kolektif Wanita

Pengalaman Informan 1 dan Informan 3 menunjukkan bahawa AIM turut menjadi ruang pembentukan kepimpinan wanita. Informan 1 pernah memegang jawatan sebagai ketua pusat, ketua blok dan ahli Lembaga Perwakilan Sahabat:

“Kita akan jaga SAHABAT. LPS ini perantaraan antara SAHABAT dengan pengurusan. Informan 1 pegang dari ketua pusat, naik ketua blok, lepas itu LPS.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Informan 3 turut menerangkan bahawa cadangan penambahbaikan boleh dibawa daripada peringkat pusat ke wilayah dan seterusnya ke peringkat kebangsaan:

“Kita bawa apa yang kita nak untuk kebaikan. Kita pergi perjuangkan di peringkat wilayah. Bila benda itu boleh digunakan, kita bawa ke peringkat kebangsaan.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Petikan ini memperlihatkan kod advokasi komuniti, suara kolektif, rundingan dengan institusi dan penambahbaikan dasar dari bawah. Oleh itu, pemerkasaan melalui AIM bukan sahaja berlaku dalam bentuk peningkatan pendapatan, tetapi juga melalui pembentukan keyakinan, kepimpinan dan keupayaan mewakili kepentingan usahawan lain.

Perlindungan Institusi Ketika Krisis

AIM turut menyediakan fleksibiliti ketika ahli menghadapi penyakit, bencana atau kegagalan projek. Informan 1 menerangkan:

“Kalau ada masalah, sakit, kita boleh tangguh. Buat moratorium. Macam banjir, yang kena banjir boleh buat penangguhan. Projek gagal pun boleh buat penangguhan atau penjadualan semula.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Informan 3 turut menyatakan bahawa caruman kebajikan menyediakan bantuan kepada ahli yang terlibat dalam bencana:

“Caruman itu cover banyak benda. Dia cover untuk bencana. Siapa yang terlibat dengan banjir, semua dapat.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Secara keseluruhannya, tema ini menunjukkan bahawa daya tahan usahawan dibentuk melalui gabungan modal kewangan, modal sosial dan perlindungan institusi. AIM berfungsi sebagai fasilitator luaran yang membantu mengurangkan tekanan daripada domain perniagaan dan keluarga.

Pembelajaran Berterusan dan Adaptasi Digital Sebagai Keupayaan Penyesuaian

Pembelajaran muncul sebagai proses berterusan yang berlaku melalui latihan formal, pengalaman bekerja, pemerhatian, sokongan rakan dan bantuan ahli keluarga. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan digital berbeza antara informan.

Pembelajaran Formal Membina Asas Perniagaan

Informan 3 pernah mengikuti latihan selama enam bulan di bawah Jabatan Pertanian sebelum mengusahakan perniagaan bakeri:

“Belajar enam bulan. Dia bukan setakat silibus untuk pengeluaran sahaja. Sebulan pertama belajar macam mana nak buat akaun dan macam mana nak buat kajian pasaran.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

AIM turut menyediakan latihan yang berkaitan pengurusan perniagaan. Informan 1 menyebut tentang program seperti klinik akaun:

“Membantu SAHABAT buat klinik akaun. Macam mana nak tahu bisnes itu untung atau rugi.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Pembelajaran Digital Melalui Jaringan Tidak Formal

Informan 2 mempelajari penggunaan TikTok melalui anak kepada rakannya sebelum meneruskan pembelajaran bersama suami:

“Mula-mula kak tengok anak kawan buat. Kak tanya, ‘buat macam mana?’ Dia tolong ajar. Lepas itu kak balik, suami pun tengok. ‘Oh, macam ini, buka macam ini.’” (Informan 2, usahawan runcit)

Peralihan daripada Facebook kepada TikTok pula dibuat berdasarkan pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku pengguna:

“Sekarang semua orang tengok TikTok. Dulu semua orang main Facebook. Sekarang lebih kepada TikTok.” (Informan 2, usahawan runcit)

Jurang Digital dan Keperluan Latihan Secara Bertahap

Walaupun informan menunjukkan kesediaan untuk belajar, mereka turut mengakui keterbatasan kemahiran. Informan 1 menggunakan Facebook, WhatsApp dan TikTok, tetapi belum mampu melakukan siaran langsung:

“TikTok pun Informan 1 main juga. Tapi live tak buat, tak pandai. Nanti boleh belajar.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Informan 1 mencadangkan latihan yang bermula daripada kemahiran paling asas:

“Kena mula dengan asas daripada WhatsApp, bawa kepada media sosial. Nak menjual di media sosial kena susun kandungan satu persatu. Lepas faham satu, baru boleh pergi kepada yang lain.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Petikan ini menghasilkan kod latihan berperingkat, pembangunan kandungan, asas sebelum kemahiran lanjutan dan latihan yang disesuaikan dengan tahap peserta.

Informan 3 pula berpendapat bahawa peluang latihan sebenarnya tersedia, tetapi penyertaan bergantung kepada keupayaan usahawan:

“Kelas digital memang ada. Mereka selalu buat dengan jabatan lain. Kursus sampingan semua ada. Cuma terpulang pada kita, mampu ikut atau tidak mampu ikut.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Tema ini memperlihatkan bahawa pembelajaran berterusan berfungsi sebagai mekanisme daya tahan. Namun, pembelajaran yang efektif memerlukan pendekatan yang praktikal, berperingkat dan dekat dengan keperluan sebenar usahawan mikro.

Daya Tahan Melalui Perubahan, Pemulihan dan Penyusunan Semula Perniagaan

Daya tahan informan tidak hanya ditunjukkan melalui keupayaan mengekalkan perniagaan yang sama. Sebaliknya, daya tahan melibatkan kesediaan menghentikan aktiviti yang kurang sesuai, beralih kepada bidang baharu, memanfaatkan sumber sedia ada dan menyusun semula operasi apabila berhadapan dengan krisis.

Adaptasi Perniagaan Semasa Pandemik COVID-19

Ketika operasi kedai terjejas semasa pandemik, Informan 2 beralih kepada jualan makanan melalui Facebook:

“Waktu COVID itu kedai tutup. Kak buat jualan kuih. Kak buat bubur dalam Facebook. Orang WhatsApp dan kak buat COD.” (Informan 2, usahawan runcit)

Penggunaan media sosial pada peringkat tersebut lebih bersifat praktikal berbanding strategik. Informan menggunakan platform yang telah diketahui dan mudah dicapai untuk mengekalkan hubungan dengan pelanggan. Fleksibiliti sempadan kerja dan keluarga turut meningkat apabila pengeluaran serta pemasaran dilakukan dari rumah.

Peralihan Kepada Model Perniagaan Baharu

Informan 3 menunjukkan daya tahan melalui peralihan daripada bakeri kepada kedai runcit. Keputusan tersebut dibuat selepas mempertimbangkan faktor umur, beban kerja, minat anak-anak dan keperluan mendapatkan perniagaan yang lebih sesuai untuk jangka panjang:

“Saya kata dekat suami, saya nak berhenti. Saya nak buat benda yang kita ada masa untuk hari tua. Bakeri ambil masa banyak. Anak-anak pun tak minat sambung.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Beliau menggunakan hasil jualan peralatan bakeri dan sumber yang dikumpulkan untuk memulakan kedai runcit:

“Barang yang saya beli, saya jual. Duit jualan itu dengan duit yang saya kumpul, saya buka kedai ini dengan RM30,000. Benda yang boleh guna, saya guna.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Pertumbuhan kedai dilakukan secara beransur-ansur berdasarkan maklum balas pelanggan:

“Untuk mula, saya tambah sedikit-sedikit. Mana permintaan ada, saya beli tambah. Orang tanya apa, saya tengok keperluan dan tambah barang.” (Informan 3, pengusaha kedai runcit)

Pemulihan Selepas Kehilangan dan Bencana

Informan 1 pernah mengalami kehilangan stok perniagaan yang besar akibat bencana:

“Barang kulit, kasut kulit, beg dan kosmetik, semua masuk. RM18,000 habis.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Kod kehilangan stok, kerugian kewangan, gangguan perniagaan akibat bencana dan kerentanan usahawan mikro menunjukkan magnitud risiko yang dihadapi oleh usahawan kecil.

Walaupun begitu, beliau beralih kepada perniagaan pendidikan dan menggunakan pembiayaan AIM untuk membina semula sumber pendapatan:

“Mula-mula buat pinjaman dengan AIM RM5,000. Lepas itu berulang-ulang sampai RM30,000.” (Informan 1, pengusaha pusat bacaan)

Secara keseluruhannya, tema ini menunjukkan bahawa daya tahan usahawan wanita bersifat dinamik. Ia melibatkan keupayaan untuk mentafsir perubahan, menilai semula sumber yang dimiliki, mendapatkan sokongan daripada keluarga dan institusi, serta membentuk semula perniagaan apabila strategi terdahulu tidak lagi sesuai.

Rumusan Dapatan Awal

Analisis awal menunjukkan bahawa daya tahan usahawan wanita di Perlis bukanlah hasil usaha individu semata-mata. Daya tahan tersebut dibentuk melalui hubungan antara empat sumber utama, iaitu keluarga, komuniti SAHABAT, sokongan institusi AIM dan keupayaan pembelajaran serta penyesuaian usahawan.

Keluarga bertindak sebagai penjaga sempadan dengan menyediakan bantuan kewangan, domestik, emosi dan teknologi. Komuniti SAHABAT pula menyediakan jaringan keselamatan sosial melalui bantuan pembayaran, bantuan kecemasan dan sokongan rakan sebaya. AIM memperkukuhkan jaringan tersebut melalui pembiayaan yang mudah dicapai, struktur

kepemimpinan, latihan dan perlindungan semasa krisis. Pada peringkat individu, kesediaan untuk belajar, menggunakan teknologi dan mengubah model perniagaan membolehkan informan terus menjana pendapatan meskipun berhadapan dengan perubahan keluarga, pandemik dan bencana.

Dapatan awal ini mencadangkan bahawa pemeraksanaan usahawan wanita perlu difahami sebagai proses yang bersifat relasional dan ekosistemik. Keupayaan seseorang wanita untuk mengekalkan perniagaan tidak hanya bergantung kepada modal kewangan atau motivasi peribadi, tetapi turut dipengaruhi oleh sejauh mana keluarga, komuniti dan institusi memudahkan beliau mengurus sempadan antara perniagaan dengan kehidupan keluarga.

PERBINCANGAN

Dapatan awal kajian ini menunjukkan bahawa pemeraksanaan dan daya tahan usahawan wanita di Perlis tidak terbentuk melalui usaha individu semata-mata. Sebaliknya, daya tahan tersebut berkembang melalui hubungan yang saling melengkapi antara keluarga, komuniti SAHABAT, institusi AIM dan keupayaan usahawan menyesuaikan diri terhadap perubahan. Dapatan ini dibincangkan menggunakan Teori Sempadan Kerja/Keluarga yang dikemukakan oleh Clark (2000), khususnya melalui konsep ketelusan sempadan, fleksibiliti sempadan, penjaga sempadan dan pergerakan individu antara domain kerja dengan keluarga.

Sokongan Keluarga Sebagai Mekanisme Pengurusan Sempadan Kerja dan Keluarga

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam membantu usahawan wanita mengurus tuntutan yang datang daripada domain perniagaan dan keluarga. Sokongan suami dalam bentuk bantuan kewangan, penglibatan dalam urusan rumah tangga, galakan moral dan penyertaan dalam pembelajaran digital mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh informan ketika menjalankan pelbagai peranan secara serentak.

Dapatan ini menyokong Teori Sempadan Kerja/Keluarga yang menjelaskan bahawa individu tidak mengurus sempadan antara kerja dan keluarga secara bersendirian. Sebaliknya, ahli keluarga boleh bertindak sebagai penjaga sempadan yang memudahkan atau menyukarkan pergerakan individu antara kedua-dua domain (Clark, 2000). Dalam kajian ini, suami berfungsi sebagai penjaga sempadan yang membantu memperluas fleksibiliti domain keluarga apabila tuntutan perniagaan meningkat. Bantuan dalam urusan domestik membolehkan informan memberi tumpuan kepada operasi perniagaan, menghadiri latihan dan mengembangkan kemahiran tanpa meninggalkan sepenuhnya tanggungjawab keluarga.

Penemuan ini selari dengan Rizal *et al.* (2023) yang mendapati bahawa sokongan pasangan dapat mengurangkan konflik kerja-keluarga. Sokongan keluarga juga membantu usahawan mengurangkan tekanan emosi dan meningkatkan keyakinan dalam menjalankan perniagaan. Namun begitu, dapatan kajian ini memperluas pemahaman tersebut dengan menunjukkan bahawa peranan suami tidak hanya terbatas kepada sokongan emosi. Suami turut bertindak sebagai penyumbang modal, rakan pembelajaran, pelaksana tugas domestik dan penyokong teknikal dalam proses pendigitalan.

Penglibatan anak-anak dalam operasi perniagaan turut menunjukkan tahap ketelusan sempadan yang tinggi. Dalam sesetengah keadaan, ruang perniagaan menjadi ruang penjagaan, pembelajaran dan pembangunan kemahiran anak. Dapatan ini menunjukkan bahawa integrasi domain kerja dan keluarga tidak semestinya menghasilkan konflik. Apabila disokong oleh hubungan keluarga yang positif, integrasi tersebut boleh menghasilkan manfaat bersama kepada perniagaan dan keluarga.

Walau bagaimanapun, pengalaman informan turut menunjukkan bahawa ketiadaan sokongan pasangan boleh menjadi halangan kepada penyertaan wanita dalam aktiviti perniagaan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa sokongan keluarga bukan sekadar pelengkap kepada kejayaan usahawan, tetapi merupakan sebahagian daripada infrastruktur sosial yang menentukan keupayaan mereka mengekalkan penglibatan dalam perniagaan.

AIM Sebagai Ekosistem Sokongan yang Memperkukuh Daya Tahan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa AIM berfungsi melangkaui peranannya sebagai penyedia pembiayaan mikro. Institusi ini membentuk suatu ekosistem sokongan yang menggabungkan modal kewangan, disiplin pembayaran, sokongan rakan sebaya, perlindungan kebajikan, pembangunan kepimpinan dan mekanisme penyelesaian masalah secara berlapis.

Akses kepada pembiayaan secara bertahap membolehkan informan memulakan perniagaan dalam skala kecil dan mengembangkan operasi berdasarkan kemampuan pembayaran. Pendekatan ini membantu mengurangkan risiko keberhutangan berlebihan serta membentuk disiplin kewangan dalam kalangan usahawan. Pada masa yang sama, rekod kehadiran dan pembayaran berfungsi sebagai modal kepercayaan yang membolehkan usahawan memperoleh pembiayaan yang lebih besar.

Namun, sumbangan AIM yang lebih signifikan dapat dilihat melalui jaringan komuniti SAHABAT. Bantuan kelompok ketika seseorang ahli menghadapi masalah pembayaran menunjukkan bahawa daya tahan individu disokong oleh tanggungjawab kolektif. Jaringan ini berfungsi sebagai mekanisme keselamatan sosial yang membantu usahawan menangani tekanan kewangan sementara tanpa terkeluar sepenuhnya daripada aktiviti perniagaan.

Dapatan ini selari dengan pandangan bahawa modal sosial dapat meningkatkan daya tahan usahawan melalui kepercayaan, perkongsian sumber dan sokongan emosi. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan bahawa modal sosial dalam konteks AIM bukan hanya terbentuk secara tidak formal. Ia disokong oleh struktur organisasi yang jelas melalui kumpulan, pusat, blok dan Lembaga Perwakilan Sahabat. Struktur ini membolehkan masalah dibawa secara berperingkat dan memberi ruang kepada usahawan wanita untuk menyuarakan keperluan mereka kepada pihak pengurusan.

Dari perspektif Teori Sempadan Kerja/Keluarga, AIM boleh dilihat sebagai fasilitator sempadan luaran. Apabila tekanan daripada domain keluarga atau perniagaan meningkat, sokongan komuniti dan institusi mengurangkan gangguan antara kedua-dua domain. Bantuan kecemasan, penangguhan pembayaran, penjadualan semula dan perlindungan ketika bencana membolehkan usahawan mengekalkan kestabilan keluarga tanpa meninggalkan perniagaan sepenuhnya.

Penemuan ini menunjukkan bahawa pemerkasaan wanita melalui pembiayaan mikro tidak boleh dinilai hanya berdasarkan jumlah modal atau peningkatan pendapatan. Pemerkasaan turut berlaku melalui pembentukan kepimpinan, suara kolektif, keyakinan membuat keputusan dan keupayaan mengakses bantuan ketika krisis.

Pembelajaran Berterusan dan Adaptasi Digital Sebagai Keupayaan Dinamik

Pembelajaran berterusan merupakan satu lagi faktor penting yang menyokong daya tahan usahawan wanita. Dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran berlaku melalui latihan formal, pengalaman pekerjaan terdahulu, pemerhatian terhadap perubahan pasaran, bantuan ahli keluarga dan pertukaran pengetahuan dalam jaringan sosial.

Latihan formal dalam bidang pengeluaran, perakaunan dan kajian pasaran menyediakan asas pengetahuan yang boleh digunakan semula apabila usahawan beralih kepada bentuk perniagaan yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan bersifat boleh pindah dan tidak terikat sepenuhnya kepada satu jenis perniagaan.

Dalam konteks digital, informan menunjukkan kesediaan untuk beralih daripada Facebook kepada TikTok dan mempelajari aplikasi baharu melalui anak, rakan dan suami. Proses ini menggambarkan pembelajaran secara sosial dan tidak formal. Ia juga menunjukkan bahawa keluarga boleh bertindak sebagai sumber pengetahuan yang membantu usahawan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi.

Walau bagaimanapun, dapatan turut menunjukkan bahawa penggunaan platform digital tidak semestinya mencerminkan penguasaan digital yang tinggi. Sebahagian informan masih menghadapi kesukaran dalam menyediakan kandungan, menjalankan siaran langsung dan menggunakan platform secara strategik. Penemuan ini selari dengan The Asia Foundation (2024), yang melaporkan bahawa usahawan wanita mikro masih berhadapan dengan kekangan kemahiran digital dan sumber sokongan yang sesuai.

Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa latihan digital perlu dilaksanakan secara bertahap dan berasaskan tahap kemahiran sebenar peserta. Latihan yang terlalu umum atau terlalu maju mungkin tidak memberi kesan kepada usahawan yang masih memerlukan penguasaan asas seperti penggunaan WhatsApp, penghasilan gambar produk dan penyusunan kandungan media sosial.

Daripada perspektif sempadan kerja dan keluarga, teknologi digital mempunyai dua kesan yang berbeza. Teknologi meningkatkan fleksibiliti kerana usahawan boleh menjalankan pemasaran dan jualan dari rumah. Namun, teknologi juga boleh menyebabkan tuntutan perniagaan memasuki masa dan ruang keluarga. Oleh itu, keupayaan digital perlu disertai dengan keupayaan mengurus sempadan supaya fleksibiliti tidak bertukar menjadi beban berterusan.

Daya Tahan Sebagai Proses Penyesuaian dan Penyusunan Semula Perniagaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa daya tahan usahawan tidak semestinya bermaksud mengekalkan bentuk perniagaan yang sama. Sebaliknya, daya tahan ditunjukkan melalui kesediaan menilai semula perniagaan, mengubah produk, menggunakan semula sumber dan berpindah kepada model perniagaan yang lebih sesuai.

Semasa pandemik COVID-19, informan menukar operasi daripada perniagaan fizikal kepada jualan makanan melalui Facebook dan penghantaran COD. Tindakan ini menunjukkan fleksibiliti operasi dan keupayaan menggunakan sumber sedia ada untuk menjana pendapatan alternatif.

Peralihan daripada bakeri kepada kedai runcit pula menunjukkan bahawa penutupan sesuatu aktiviti perniagaan tidak semestinya menggambarkan kegagalan. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan pertimbangan terhadap umur, beban kerja, minat anak-anak dan kesesuaian perniagaan untuk jangka panjang. Dalam konteks ini, daya tahan melibatkan keupayaan melepaskan model lama dan membina bentuk perniagaan yang lebih selaras dengan keadaan kehidupan semasa.

Pengalaman kehilangan stok akibat banjir turut menunjukkan bahawa pemulihan tidak semestinya membawa usahawan kembali kepada kedudukan asal. Sebaliknya, pembiayaan AIM dan pengalaman terdahulu digunakan untuk membina perniagaan dalam sektor yang baharu. Hal ini menunjukkan bahawa daya tahan bersifat transformasional, iaitu krisis boleh membawa kepada penyusunan semula identiti, sumber dan hala tuju perniagaan.

Penemuan ini mencadangkan bahawa daya tahan usahawan wanita perlu difahami sebagai proses dinamik yang melibatkan penilaian, penyesuaian, pemulihan dan pembaharuan. Keupayaan tersebut dibentuk melalui gabungan sumber individu dengan sokongan keluarga, komuniti dan institusi.

Sumbangan Teoretikal dan Interpretasi Kelesuruhan

Kajian ini menyumbang kepada Teori Sempadan Kerja/Keluarga dengan menunjukkan bahawa pengurusan sempadan usahawan wanita tidak hanya berlaku antara dua domain, iaitu kerja dan keluarga. Sebaliknya, pengurusan sempadan turut dipengaruhi oleh komuniti dan institusi yang menyediakan sumber, perlindungan dan sokongan ketika kedua-dua domain berada di bawah tekanan.

Dalam konteks kajian ini, keluarga bertindak sebagai penjaga sempadan dalaman, manakala komuniti SAHABAT dan AIM berfungsi sebagai fasilitator sempadan luaran. Kedua-duanya saling melengkapi dalam membantu usahawan wanita mengurus konflik peranan, kekangan modal, perubahan teknologi dan gangguan akibat krisis.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa ketelusan sempadan tidak semestinya memberi kesan negatif. Dalam keadaan tertentu, integrasi antara keluarga dan perniagaan membolehkan perkongsian sumber, pemindahan kemahiran dan penyelesaian masalah secara kolektif. Namun, manfaat tersebut bergantung kepada kewujudan sokongan keluarga dan institusi yang mencukupi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencadangkan bahawa pemerkasaan dan daya tahan usahawan wanita perlu difahami sebagai suatu proses relasional dan ekosistemik. Daya tahan tidak terletak hanya pada sifat peribadi usahawan, tetapi dibentuk melalui interaksi antara individu, keluarga, komuniti dan institusi. Interpretasi ini memperluas Teori Sempadan Kerja/Keluarga dengan memasukkan sokongan komuniti dan institusi sebagai sebahagian daripada mekanisme yang membantu wanita merundingkan sempadan kerja dan keluarga.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan awal kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi menyokong pembangunan usahawan wanita yang lebih mampan. Bahagian ini turut merumuskan penemuan utama serta implikasi awal kajian terhadap penyelidikan dan amalan.

Cadangan

Berdasarkan dapatan awal kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuhkan pemerkasaan dan daya tahan usahawan wanita, khususnya dalam kalangan usahawan mikro yang terlibat dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Pertama, program pembangunan usahawan perlu memberi penekanan kepada pendekatan yang lebih holistik dan tidak hanya memfokuskan kepada penyediaan pembiayaan mikro. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan keluarga, khususnya daripada suami dan anak-anak, memainkan peranan penting dalam membantu usahawan wanita mengurus tuntutan perniagaan dan tanggungjawab keluarga. Oleh itu, agensi pembangunan keusahawanan boleh mempertimbangkan pelaksanaan program yang melibatkan ahli keluarga bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita serta menggalakkan pembahagian tanggungjawab domestik yang lebih seimbang.

Kedua, AIM dan agensi berkaitan disarankan untuk terus memperkukuhkan fungsi komuniti SAHABAT sebagai platform pembelajaran, sokongan emosi dan perkongsian pengalaman. Selain menyediakan akses kepada pembiayaan, komuniti usahawan boleh dimanfaatkan sebagai medium bimbingan rakan sebaya (peer mentoring), perkongsian amalan terbaik dan sokongan ketika berhadapan dengan krisis atau kegagalan perniagaan.

Ketiga, pembangunan kapasiti digital perlu diperkasakan melalui latihan yang lebih praktikal dan berperingkat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan usahawan mempunyai kesediaan untuk menggunakan teknologi digital, namun masih menghadapi kekangan dari segi kemahiran menghasilkan kandungan, pemasaran digital dan penggunaan aplikasi baharu. Justeru, latihan yang bersifat amali, berterusan dan disesuaikan dengan tahap kemahiran peserta dijangka dapat meningkatkan keberkesanan transformasi digital dalam kalangan usahawan wanita luar bandar.

Keempat, pembuat dasar dan institusi pembangunan usahawan disarankan untuk membangunkan intervensi yang menggabungkan aspek kewangan, sosial dan psikologi secara serentak. Pendekatan sedemikian diyakini dapat meningkatkan keupayaan usahawan wanita menghadapi perubahan ekonomi, bencana serta ketidakpastian persekitaran perniagaan dengan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan gambaran awal tentang bagaimana pemerkasaan dan daya tahan usahawan wanita di Perlis dibentuk melalui interaksi antara keluarga, komuniti dan institusi. Dapatan menunjukkan bahawa kejayaan usahawan wanita tidak bergantung kepada akses kepada modal kewangan semata-mata, sebaliknya dipengaruhi oleh kewujudan ekosistem sokongan yang membolehkan mereka mengurus sempadan antara kehidupan keluarga dan perniagaan secara lebih berkesan.

Sokongan keluarga didapati berfungsi sebagai pemudah cara dalam mengurangkan konflik peranan melalui bantuan emosi, kewangan dan pengurusan domestik. Pada masa yang sama, komuniti SAHABAT AIM menyediakan modal sosial yang memperkukuhkan daya tahan usahawan melalui jaringan sokongan, kepimpinan komuniti dan mekanisme bantuan ketika krisis. Pembelajaran berterusan serta kesediaan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan persekitaran perniagaan pula meningkatkan keupayaan usahawan untuk terus bertahan dan berkembang dalam situasi yang mencabar.

Daripada perspektif teori, kajian ini memperkukuhkan aplikasi Teori Sempadan Kerja/Keluarga dengan menunjukkan bahawa pengurusan sempadan tidak hanya dipengaruhi oleh hubungan antara domain kerja dan keluarga, malah turut dibentuk oleh sokongan komuniti dan institusi. Dapatan ini mencadangkan bahawa pemerkasaan usahawan wanita perlu difahami sebagai suatu proses yang bersifat relasional dan ekosistemik, di mana daya tahan berkembang melalui interaksi dinamik antara individu, keluarga, komuniti dan institusi.

Memandangkan kajian ini masih berada pada peringkat awal, dapatan yang dibentangkan akan terus diperhalusi apabila proses pengumpulan data melibatkan informan tambahan selesai. Walau bagaimanapun, penemuan awal ini telah memberikan asas empirikal yang penting untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada pemerkasaan dan daya tahan usahawan wanita dalam konteks perusahaan mikro di Perlis.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, D. A. (2019, September 10). *AIM sasar bantu 400,000 keluarga*. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/09/495075/aim-sasar-bantu-400000-keluarga>
- Braun, V., & Clarke, V. (2020). One Size Fits All? What Counts as Quality Practice In (Reflexive) Thematic Analysis? *Qualitative Research in Psychology*, 18(3), 328–352. <https://doi.org/10.1080/14780887.2020.1769238>
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). Conceptual and Design Thinking for Thematic Analysis. *Qualitative Psychology*, 9(1), 3–26. <https://doi.org/10.1037/qup0000196>
- Brieger, S. A., Sonbol, D., Morales, C., Alsaieri, H., Fu, Ying; De Clercq, Dirk (2025). When Crisis Hits Home: Cultural and Gendered Realities of Entrepreneurial Parenting in Difficult Times. University of Sussex. *Journal contribution*. <https://hdl.handle.net/10779/uos.30598109.v1>
- Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., Bywaters, D., & Walker, K. (2020). Purposive Sampling: Complex Or Simple? Research Case Examples. *Journal of Research in Nursing*, 25(8), 652–661. <https://doi.org/10.1177/1744987120927206>
- Clark, S. C. (2000). Work/Family Border Theory: A New Theory of Work/Family Balance. *Human Relations*, 53(6), 747-770.
- Doargajudhur, S. S., *et al.* (2026). Digital Entrepreneurship and Gendered Boundaries: Technology, Work–Life Conflict, and Well-Being. *Gender, Work & Organization (Wiley Online Library)*, 33(3), 883-899. <https://doi.org/10.1111/gwao.70090>
- Gephart, R. P., & Saylor, R. (2020). Qualitative Designs and Methodologies for Business, Management, and Organizational Research. In *Oxford Research Encyclopedia of Business and Management*. Oxford University Press.
- Hassan, F., Jaafar, M., Dahlan, N., & Hilmi, M. F. (2021). *Peranan dan Cabaran Wanita dalam Pembangunan Produk Makanan Tradisional Untuk Program Keusahawanan Pelancongan Berasaskan Komuniti: Kajian kes Lembah Lenggong, Perak Darul Ridzuan*. *GEOGRAFI*, 9(1), 1–23. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol9.1.1.2021>
- Hennink, M., & Kaiser, B. N. (2022). Sample Sizes for Saturation in Qualitative Research: A Systematic Review of Empirical Tests. *Social Science & Medicine*, 292, 114523.
- Huq, A., & Arenius, P. (2025). Women Entrepreneurs' Negotiation of The Work-Family Balance in Patriarchal Society. *Journal of Small Business Management*, 63(5), 2188-2219.
- Karassvidou E, Glaveli N (2015). Work-Family Balance Through Border Theory Lens: The Case of A Company "Driving In The Fast Lane. *Equality, Diversity and Inclusion: An International Journal*, 34(1), 84–97, doi: <https://doi.org/10.1108/EDI-05-2014-0038>.
- Kreiner, G. E., Hollensbe, E. C., & Sheep, M. L. (2009). Balancing Borders and Bridges: Negotiating the Work-Home Interface Via Boundary Work Tactics. *Academy of Management Journal*, 52(4), 704–730. <https://doi.org/10.5465/amj.2009.43669916>
- Kriukow, J. (2020). *Types of Interview: Semi-Structured Interviews* [Video]. SAGE Research Methods.
- Lange, S., & Steele, J. (2025). Navigating the Professional and Personal: New insights into Border Theory. *Journal of Vocational Behavior*. <https://doi.org/10.1080/00472778.2024.2424813>
- Matthews, R. A., & Barnes-Farrell, J. L. (2010). Development and Initial Evaluation of A Measure Of Work–Family Boundary Flexibility. *Journal of Occupational Health Psychology*, 15(3), 330–346. <https://doi.org/10.1007/s12144-022-03492-2>
- Merriam, S. B. & Tisdell, E. J. 2016. *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th edition). John Wiley & Sons.
- Myers, M. D. (2020). *Qualitative Research in Business and Management* (3rd ed.). SAGE Publications

- Nazri, N. Y., & Halim, N. (2021). *Cabaran Penjaja Kecil Wanita Dalam Era Pandemik COVID-19 di Perlis. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14(December), 33–39.
- Peng, Q., Lian, C., & Zhang, L. (2022). Influence of Border-Keepers' Support on Work-Family Enrichment of Preschool Teachers in China: The Mediating Role of Work-Family Boundary Flexibility. *Frontiers in Psychology*, 12, 752836. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.752836>
- Rizal, G. L., Fikry, Z., & Yasmin, M. (2023). The Effect of Spousal Support on Work-Family Conflict of Women with Dual-Career Family In Padang City. In I. Hidayati *et al.* (Eds.), *Proceedings of the 1st International Conference on Psychology and Health Issues (ICOPHI 2022)* (pp. 3–18). Atlantis Press. https://doi.org/10.2991/978-94-6463-212-5_2
- Rose, J., & Johnson, C. W. (2020). Contextualizing Reliability and Validity in Qualitative Research: Toward More Rigorous and Trustworthy Qualitative Social Science in Leisure Research. *Journal of Leisure Research*, 51(4), 432–451
- Rutledge, P. B., & Hogg, J. L. C. (2020). In-depth interviews. In J. Van den Bulck (Ed.), *The International Encyclopedia of Media Psychology* (pp. 1–7). Wiley. <https://doi.org/10.1002/9781119011071.iemp0019>
- Stahl, N. A., & King, J. R. (2020). Expanding Approaches for Research: Understanding and Using Trustworthiness in Qualitative Research. *Journal of Developmental Education*, 44(1), 26–28
- Syed Kechik, S.A.A. (2025, October 4). *Usahawan Wanita Semakin Menonjol, Tapi Cabaran Masih Berbaki. Berita Harian*. Retrived from <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2025/10/1454375/usahawan-wanita-semakin-menonjol-tapi-cabaran-masih-berbaki>
- Tahir, R. (2024). Integration of Work and Life Roles: An Interpretive Study of Women Entrepreneurs in th Unites Arab Emirates. *Cross Cultural & Strategic Management*, 31(2), 309–334. <https://doi.org/10.1108/CCSM-06-2023-0104>
- The Asia Foundation. (2024). *Striving Digitally: Understanding The Challenges of Malaysian Women Entrepreneurs*. The Asia Foundation. https://asiafoundation.org/wp-content/uploads/2024/08/Striving-Digitally-Understanding-the-Challenges-of-Malaysian-Women-Entrepreneurs_EN-1.pdf
- Wishkoski, R. (2020). Semi-Struct Implementation, And Analysis (Eds.), *Innovative Methods in University*